



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh:

Bilangan 2/2004

Ruj: UMS/PN2.1/P5/8

### **MENERIMAPAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 7/2003 (PEMBERIAN WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT [GCR] KEPADА 120 HARI)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pemakaian pekeliling kerajaan mengenai Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan.

#### **2.0 KANDUNGAN**

- 2.1 Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) melalui mesyuarat Bil. 11/2003 yang diadakan pada 11 November 2003 telah bersetuju untuk menerimapakai Pekeling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2003 mengenai Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) 120 bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan sehingga maksimum sebanyak 120 hari kepada semua kakitangan berpencen.
- 2.2 Secara dasarnya semua kakitangan kerajaan digalakkan menghabiskan cuti rehat tahunan yang diperuntukkan kepadanya. Walaubagaimanapun, ada diantara kakitangan ini tidak dapat menghabiskan cuti tersebut demi kepentingan perkhidmatan dan dengan itu dibenarkan mengumpul cuti rehat tersebut, tertakluk kepada syarat tertentu untuk digantikan dengan GCR.
- 2.3 Kelayakkan GCR adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 sebagai salah satu faedah di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227).

- 2.4 Syarat-syarat dan kaedah perlaksanaan Pekeliling ini adalah seperti mana yang dilampirkan bersama-sama untuk rujukan dan seterusnya dipanjangkan kepada semua kakitangan di jabatan Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan.


### 3.0 PENUTUP

- 3.1 Satu taklimat kepada semua Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi) yang mengendalikan cuti di Jabatan masing-masing akan diadakan oleh Unit Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Sekian. Terima Kasih.

Yang ikhlas

  
HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar

- s.k. Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik)  
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)